



Rujukan Kami : PKP(S)124Jld10(44)

Tarikh : 18 September 2018  
8 Muharam 1439H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak

YBhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan,

**Surat Makluman Tatacara Perolehan Kontrak Pusat Perbendaharaan Malaysia Sarawak**

1. **Membekal Dan Menghantar Ikan Basah;**
2. **Membuat, Membekal, Menghantar Dan Memasang Perabot Jenis Kayu; Dan**
3. **Membuat, Membekal, Menghantar Dan Memasang Perabot Jenis Fabrik**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, kontrak pusat bagi tiga item di atas masih dalam proses memuatnaik maklumat kontrak dalam sistem ePerolehan. Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) telah menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat rujukan: K.KEW/PK/MOF/ePP1/59/158(5) bertarikh 14 September 2018 berhubung tatacara perolehan kontrak pusat bagi ketiga-tiga item berkenaan.

3. MOF bersetuju memberi kelulusan kepada semua **Pusat Tanggungjawab (PTJ)** di Sarawak untuk melaksanakan perolehan kontrak pusat bagi tiga item tersebut dengan menggunakan **Sistem iGFMAS** sehingga **31 Oktober 2018** tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. **PTJ** dikehendaki mendapatkan bekalan daripada pembekal kontrak pusat yang telah dikenalpasti sahaja sepertimana dalam Surat Pekeliling Kontrak PMS Bil 4/2018( Ikan), Surat Pekeliling Kontrak PMS Bil 3/2018( Kayu) dan Surat Pekeliling Kontrak PMS Bil 2/2018( Fabrik) ;

- ii. Tiada perubahan spesifikasi, harga dan zon seperti yang telah ditetapkan oleh pekeliling PMS Sarawak yang berkaitan;
- iii. Peruntukan bagi perolehan yang ingin dibuat adalah mencukupi dan telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal; dan
- iv. Kelulusan ini untuk kali ini sahaja dan tidak boleh dijadikan rujukan bagi perolehan seumpamanya pada masa hadapan.

4. Walau bagaimanapun, sekiranya maklumat kontrak pusat tersebut berjaya dimuatnaik lebih awal daripada tarikh tersebut, maka sistem eP hendaklah digunakan sepenuhnya. PMS akan memaklumkan perkara ini dari masa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menuruti perintah,

**(MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH)**

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak,  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak.

Tel. : 082-421333 samb. 100

Faks : 082-424489

Emel : sungkih@treasury.gov.my

s.k Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Cawangan Sarawak  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Sri Aman  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Sarikei  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Kapit  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Sibu  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Bintulu  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Miri  
Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Limbang